

10 NOV 1999

Parlimen-Bahas

SPEKULASI PEMBUBARAN PENGARUHI SIDANG PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Spekulasi bahawa Parlimen akan dibubarkan hari ini nampaknya menjejaskan minat anggota untuk menyertai perbahasan Dewan Rakyat mengenai belanjawan tahun depan.

Lebih banyak anggota kelihatan berkumpul di lobi bagunnan Parlimen, daripada di dalam dewan yang memulakan sesi perbahasan pukul 10 pagi.

Spekulasi itu hangat diperkatakan sebelum persidangan dimulakan lagi, dan wakil-wakil media menjadi sasaran anggota Parlimen yang ingin mendapatkan pengesahan mengenainya.

"Saya tak terperanjat kalau Parlimen dibubar hari ini," kata Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian) ketika ditemui di lobi Parlimen.

"Saya tak ada dah," kata Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datoh) sambil tersenyum sebelum memasuki dewan persidangan.

Semasa perbahasan, Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) memulakan hujahnya dengan ucapan terima kasih kerana katanya: "ini mungkin kali terakhir saya bercakap di dalam dewan ini."

"Memang kali terakhir pun," kedengaran suara dari pihak penyokong kerajaan.

Tan dalam perbahasannya mencadangkan agar satu dialog diadakan antara gabungan parti pembangkang (Barisan Alternatif) dan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan pilihan raya akan datang menjadi yang paling "bersih" dalam sejarah pilihan raya negara ini.

Tan, Naib Pengerusi DAP, berkata ia perlu memandangkan sebelum ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata pilihan raya akan datang mungkin menjadi pilihan raya paling kotor dan penuh muslihat.

"Oleh itu saya minta agar Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebagai negarawan memastikan pilihan raya kali ini menjadi yang paling bersih," kata beliau semasa membahaskan Belanjawan 2000.

Katanya Dr Mahathir mempunyai kemampuan dan jentera yang mencukupi untuk tujuan itu.

"Saya meminta Perdana Menteri memastikan segala-galanya dibuat dengan cara paling baik kerana beliau ada kemampuan yang cukup," katanya.

Beliau berkata langkah itu juga akan dapat membuktikan sikap toleransi BN seperti yang sering diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin gabungan itu.

Chang See Ten (BN-Gelang Patah) pula menegur pihak berkuasa tempatan di negara ini yang melaksanakan dasar dan peraturan yang berbeza mengikut kawasan.

"Penguatkuasaan yang dijalankan seolah-olah kawasan-kawasan di negara ini berbeza begitu ketara dari segi goeografinya, politik dan sosio ekonomi," katanya.

Beliau berkata peraturan dan undang-undang pihak berkuasa tempatan perlu diringkaskan untuk membolehkan segala urusan berjalan lancar.

Beliau juga meminta supaya urusan pengeluaran lesen perniagaan oleh pihak berkuasa tempatan diseragamkan antara negeri-negeri.

-- BERNAMA

NZ NMO